

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penguatkuasaan pensijilan halal di restoran hotel-hotel di seluruh negara dan jumlah hotel yang masih belum mendapat pengiktirafan persijilan setakat ini.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap dapur dan restoran hotel bagi menjaga kepentingan orang ramai, khususnya bagi restoran yang memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Pemantauan secara berkala dijalankan untuk memastikan pematuhan terhadap prosedur-prosedur yang ditetapkan.

Manakala pengusaha restoran dan hotel yang tidak memperoleh Sijil Pengesahan Halal Malaysia tetapi menggunakan sebarang penandaan halal atau ungkapan yang memberi maksud restoran dan hotel berkenaan adalah halal seperti iklan promosi "buffet Ramadhan", maka pemantauan dan penguatkuasaan turut dijalankan. Langkah penguatkuasaan ini dilaksanakan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, permohonan Pensijilan Halal Malaysia adalah bersifat sukarela dan Sijil Pengesahan Halal Malaysia hanya diberikan kepada pemohon yang mematuhi semua peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan. Jumlah dapur/restoran hotel yang telah mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia adalah sebanyak 524 buah (sijil masih sah sehingga 3 Mac 2015). Senarai hotel yang telah mendapat sijil pengesahan halal boleh disemak melalui portal halal Jakim di [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my).

Sekian, terima kasih.